



# Belasungkawa..

## Perginya lagenda sukan tanah air



### Februari

ALLAHYARHAM JAIKOL  
BIN GUBAL (No Ahli : 457)

SUKAN OLAHRAGA  
(1956 – 2015)

Pada 28hb Februari 2015, dunia sukan negara terutamanya warga YAKEB merasai kehilangan seorang lagi bekas permata sukan negara, Allahyarham Jaikol bin Gubal yang pernah mengharumkan nama negara untuk 2 jenis sukan (double international) iaitu olahraga dan ragbi. Allahyarham menghembuskan nafas terakhir di Hospital Queen Elizabeth 1 ketika berusia 59 tahun akibat komplikasi buah pinggang dan kencing manis.

Semasa hayatnya Allahyarham bertugas sebagai Pegawai Penjara, sementara kariernya dalam

bidang sukan pula, Allahyarham pernah mewakili negara untuk acara lompat jauh sukan olahraga di Sukan SEAP 1973 di Singapura dan ARFU 1984 di Jepun dan Piala Raja Thai 1985 untuk sukan ragbi. Walaupun sudah bersara dari mewakili negara, penglibatan beliau tidak terhenti di situ sahaja. Allahyarham juga turut aktif dengan aktiviti sukan sebagai jurulatih dan kepegawaian terutama untuk Jabatan Penjara.

Allahyarham adalah antara ahli YAKEB yang aktif semasa hayatnya. Beliau juga pernah di lantik sebagai wakil YAKEB bagi negeri Sabah.

Warga YAKEB turut bersedih dengan kehilangan Allahyarham dan mendoakan semoga roh beliau ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman.

Di Bawah Skim Bantuan Khas YAKEB, waris Allahyarham Jaikol Gubal akan menerima sumbangan sebanyak RM31,000.00.



### Disember

MENDIANG THOR GIM SOON  
(No Ahli : 159)

SUKAN OLAHRAGA  
(1944 – 2014)

Nama Mendiang Thor Gim Soon atau lebih dikenali sebagai "Mighty Thor" bukanlah satu nama asing dalam dunia sukan olahraga negara. Acara kegemaran mendiang adalah 100m, 200m dan 4x100m.

Mendiang adalah seangkatan dengan Tan Sri Dr M. Jegathesan.

Banyak kejayaan yang dicipta Mendiang sepanjang beliau mewakili negara dan antara yang tidak boleh dilupakan ialah memenangi pingat gangsa untuk acara 4 x 100 meter di Sukan Asia Jakarta 1962. Mendiang juga turut mengambil bahagian di Sukan Asia seterusnya di Bangkok 1970. Pada Sukan SEAP 1971 di Kuala Lumpur mendiang turut mengambil bahagian dan memenangi pingat gangsa.

Mendiang Thor Gim Soon dilahirkan pada 20hb April

1944 dan semasa hayatnya beliau berkhidmat di Jabatan Penjara sehinggalah beliau pencen dengan jawatan terakhir Penolong Penguasa Penjara.

Mendiang Thor Gim Soon meninggal dunia pada 20hb Disember 2014 dalam usia 70 tahun, akibat sakit jantung. Sebelum ini juga Mendiang memang mengalami beberapa penyakit yang agak kronik malah kedua-dua kaki beliau terpaksa di potong akibat sakit kencing manis yang dihidapinya. Mendiang meninggalkan balu, Puan Poh Swan dan 4 orang anak.

YAKEB turut tidak ketinggalan dalam membantu Mendiang dengan menyerapkan nama beliau di bawah Skim Bantuan Khas iaitu bantuan bulanan sebanyak RM300.00. YAKEB juga pernah mengusahakan Mendiang untuk menerima Sumbangan sebanyak RM5,000.00 dari Tan Sri Muhyiddin Charity Golf Foundation (TSMCG) dan juga sumbangan dari Rancangan Bersamamu-Wira Sukan Negara terbitan TV3.

Di bawah Skim Bantuan Khas YAKEB, waris Mendiang Thor Gim Soon akan menerima sumbangan sebanyak RM 11,000.00.

## Januari

ALLAHYARHAM OTHMAN BIN ABDULLAH (No Ahli : 981)

SUKAN BOLASEPAK

(1945 – 2015)

Allahyarham Othman bin Abdullah atau lebih dikenali sebagai “Pak Dollah” dikalangan rakan rakan pemain bolasepak era 70an amat disegani sebagai pertahanan kental Harimau Malaya. Allahyarham pernah beraksi di Sukan Olimpik Munich 1972.

Karier bolasepaknya bermula apabila beraksi bersama pasukan Johor di posisi penyerang namun apabila tersenarai dalam skuad B kebangsaan, beliau beraksi di posisi bek kanan. Posisi ini kekal hingga beliau beraksi dalam skuad A Kebangsaan.

Allahyarham Othman bin Abdullah menghembuskan nafas terakhirnya pada 30hb Jan 2015 di kediamannya di Kampong Pasir, Johor Bharu ketika berumur 69 tahun. Allahyarham meninggal dunia disebabkan komplikasi buah pinggang akibat dari penyakit kencing manis yang dihidapinya.

Keperitan hidup Allahyarham bermula dari gara gara kemalangan motosikal sebelum diserang angin ahmar sehingga memaksa dirinya terbaring selama sebulan pada 2005, selain penyakit darah tinggi. Sudah ditakdirkan 4 tahun kemudian, Allahyarham



Othman Abdullah kehilangan isteri tersayang apabila isterinya Allahyarhamah Siti Wagiman meninggal dunia akibat serangan sakit jantung pada tahun 2009.

Skuad YAKEB Prihatin yang diketuai Pengurus Besar YAKEB, Zuhairi Abd Manaf pernah melawat Allahyarham di kediamannya pada Nov 2013. Di samping menanggung kos rawatan rawatan Allahyarham, YAKEB juga pernah membantu Allahyarham mendapatkan sumbangan RM5,000 dari siri rancangan Bersamamu-Wira Sukan Negara terbitan TV3.

Di bawah Skim Bantuan Khas YAKEB, waris Allahyarham Othman bin Abdullah akan menerima sumbangan sebanyak RM 11,000.00.

## Januari

ALLAHYARHAM MOHAMMAD AZLAN BIN MAT LAZIN (No Ahli : 1422)

SUKAN OLAHRAGA

(1991 – 2015)

Perginya Allahyarham Mohammad Azlan bin Mat Lazin amat dirasai oleh pencinta sukan negara terutamanya warga YAKEB. Ini memandangkan Allahyarham adalah antara atlet paralimpik harapan negara untuk menyinar di Sukan Paralimpik di Rio nanti.

Allahyarham Mohammad Azlan bin Mat Lazin meninggal dunia pada 24hb Jan 2015 ketika berumur 24 tahun akibat kemalangan jalanraya di Serdang Raya. Allahyarham meninggal di tempat kejadian. Motosikal yang ditunggangnya dipercayai dilanggar oleh sebuah van. Turut terlibat seorang lagi atlet lompat jauh paralimpik, Farisan Jasna, namun beliau hanya mengalami keretakan di tangan kanan.

Atlet kelahiran Kemaman, Terengganu ini telah menampilkan aksi cemerlang dengan membawa pulang dari temasya Para Asia di Incheon, Oktober tahun lepas, 3 pingat emas menerusi acara 100 meter, 200 meter dan 400 meter dalam kategori kecacatan T38 dan T36. Malah motosikal yang dinaiki kedua dua atlet ini adalah hasil dari insentif kemenangannya di Incheon.

Ayah Allahyarham, Encik Mat Lazim 50 tahun dan ibu Puan Rohani Abu Bakar 49 tahun ketika mengimbu



kembali kejayaan anak mereka mengatakan Allahyarham hampir berputus asa dan tidak mahu meneruskan latihan di Bukit Jalil kerana kerap mengalami kesakitan di bahagian kaki sebelum menjadi atlet lagi. Mereka berdua risau kerana jika Allahyarham pulang ke Kemaman, tidak ada apa yang beliau dapat lakukan selain berada di rumah sahaja. Disebabkan itu mereka berdua sentiasa memberi kata kata semangat pada Allahyarham dan Alhamdulillah beliau berjaya. Menurut En Mat Lazim lagi, sebagai buruh binaan, tiada apa yang mampu saya hadiahkan pada Allahyarham bila beliau berjaya selain dari mendedekahkan surah Al Fatihah setiap kali menunaikan solat.

Di bawah Skim Bantuan Khas YAKEB, waris Allahyarham Mohammad Azlan bin Mat Lazim akan menerima sumbangan sebanyak RM11,000.00.



# Belasungkawa.

## Perginya lagenda sukan tanah air



### November

MENDIANG EDWARD PETER RAJAH (No Ahli : 892)

SUKAN BOLASEPAK

(1951 – 2014)

Tarikh 14hb Nov 2014 adalah hari malang bagi dunia bolasepak negara apabila pada hari tersebut bekas penjaga gol kebangsaan Mendiang Edward Peter

Rajah berumur 63 tahun, meninggal dunia akibat komplikasi jantung di Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Sabah.

Mendiang Edward Peter Rajah adalah antara watak penting yang berjaya melayakkan pasukan bolasepak negara ke Sukan Olimpik Moscow 1980 selepas mengalahkan Korea Selatan 2 – 1, bersama sama dengan rakan senegeri Hassan Sani dan

James Wong. Walaupun layak malangnya pasukan negara tidak dapat turut serta ke temasya Sukan Olimpik tersebut atas sebab ketika itu kerajaan Malaysia turut serta tindakan Amerika Syarikat memboikot sebarang perhubungan dengan Soviet Union.

Mendiang telah mewakili negeri Sabah antara tahun 1972 dan 1995. Beliau juga adalah antara pemain ketika pasukan negeri Sabah menentang Manchester United dalam satu perlawanan persahabatan pada tahun 1981. Negeri Sabah tewas perlawanan tersebut dengan jaringan 1 gol kosong.

Jawatan terakhir Mendiang ialah sebagai Pengurus Kompleks Sukan Sandakan. Mendiang meninggalkan seorang balu, Tracie Gom dan 3 orang anak dan 5 orang cucu.

Mendiang Edward Peter Rajah telah dikebumikan Tanah Perkuburan Lampaki di Inobong.

Di bawah Skim Bantuan Khas YAKEB, waris Mendiang Edward Peter Rajah akan menerima sumbangan sebanyak RM 31,000.00.

### November

ALLAHYARHAM TUKAMIN BIN BAHARI (No Ahli : 1294)

SUKAN BOLASEPAK (1957 – 2014)



Buat peminat peminat bolasepak kebangsaan era 80an pasti mengenali pemain ini yang juga ahli YAKEB, Allahyarham Tukamin Bahari. Beliau adalah antara tunggak pasukan negara bagi menghadapi pusingan kelayakan ke Sukan Olimpik Moscow 1980. Pasukan Malaysia

akhirnya layak ke Sukan Olimpik tersebut setelah berjaya mengalahkan pasukan Korea Selatan dengan jaringan 2 gol berbalas 1. Namun akhirnya pasukan Malaysia menarik diri sebagai tindakan boikot kerana serangan Rusia ke atas Afghanistan ketika itu. Allahyarham juga pernah berjasa dengan pasukan negara utk Piala Asia 1980.

Kini segalanya tinggal kenangan. Allahyarham Tukamin Bahari pergi buat selama lamanya pada 1hb November 2014 ketika berumur 57 tahun di Hospital Sultanah Aminah (HSA) akibat angin ahmar. Menurut kata anaknya, Allahyarham dimasukkan ke hospital selepas pengsan dan diserang sawan di rumahnya di Taman Pasir Putih, Pasir Gudang. Sebenarnya serangan angin ahmar ini adalah serangan kali kedua selepas yang pertama kalinya semenjak Hari Raya Aidiladha 2014. Selepas serangan yang pertama itu, Allahyarham berubat secara tradisional dan semakin pulih sehinggalah ke serangan kali kedua. Menurut anaknya lagi Allahyarham meninggal ketika dalam tidur.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Cahaya Baru Masai. Allahyarham meninggalkan seorang isteri Puan Jasmi Sulong, 50 tahun dan 5 orang anak.

Di bawah Skim Bantuan Khas YAKEB, waris Allahyarham Tukamin bin Bahari akan menerima sumbangan sebanyak RM31,000.00.

Warga YAKEB mengucapkan takziah buat keluarga Allahyarham semoga rohnyanya di tempatkan dikalangan orang orang yang beriman.

## BANTUAN 'TERAKHIR' YAKEB BUAT JAIKOL GUBAL

**K**OTA KINABALU, 28 JANUARI 2015. Rancangan untuk menziarah bekas atlet Negara Jaikol Gubal (No Ahli : 457) yang menderita akibat penyakit kencing manis dan kegagalan buah pinggang sebelum ini telah dua kali ditangguhkan ekoran dari sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Sungguhpun begitu, wakil dikalangan ahli YAKEB yang menziarahnya sentiasa menyalurkan maklumat terkini berhubung perkembangan kesihatan beliau sekaligus memudahkan pihak YAKEB memantau keadaannya.

Namun, rezeki untuk bertemu mata dengan beliau telah menjadi kenyataan apabila Skwad Prihatin YAKEB berpeluang untuk menziarahnya pada 28hb Januari 2015.

Kehadiran Skwad Prihatin YAKEB dari jauh yang melihat sendiri status terkini kesihatannya, sedikit sebanyak telah dapat membantu memenuhi apa yang diperlukan di dalam urusan merawat penyakit yang sedang ditanggungnya.

Menurut Zuhairi Abd Manaf, Pengurus Besar YAKEB, "Dalam lawatan kali ini, saudara Jaikol telah dibekalkan dengan tilam khas bagi mengurangkan ketegangan di



*Mengambil angin luar sambil berbual-bual melayari kisah lama bersama rakan seperjuangannya Hj Farid Abdullah @ Peter Govind.*

bahagian belakang badannya yang meleceet teruk".

Tambah beliau lagi, "Ini diakibatkan oleh kedudukan beliau yang hanya boleh berbaring pada kebanyakan masa dan beliau sendiri tidak berupaya untuk membalikkan badannya tanpa dibantu oleh sama ada isteri atau anaknya yang kini setia menemani beliau".

Pengurus Operasi, Aminuddin Mohd Nasir pula berkata, "Pihak YAKEB turut membantu meringankan bebannya apabila turut membekalkan lampin pakai buang secara bulanan dan ini diperolehi dari syarikat pembekal peralatan kesihatan yang terlibat dengan program kad privilege YAKEB iaitu Life Line Innovators yang turut mempunyai cawangannya di sana".

Sepanjang berada di Kota Kinabalu, Skwad Prihatin telah dibantu sepenuhnya oleh ahli YAKEB sendiri iaitu Tuan Haji Farid Abdullah @ Peter Govind (No Ahli : 447).

"Sebagai bekas atlet yang pernah menabur bakti untuk Negara, melihat sendiri apa yang dilakukan oleh YAKEB untuk kesejahteraan rakan-rakan seperjuangan saya yang memerlukan, ini amat menyentuh hati dan perasaan. Terima kasih YAKEB kerana menghargai pengorbanan kami bekas atlet Negara" ujar Tuan Haji Farid yang begitu komited membantu rakan baiknya yang didalam kesusahan.

Genap sebulan selepas sumbangan serta bantuan dihulurkan YAKEB, saudara Jaikol telah dijemput ilahi dan berita kembalinya allahyarham ke rahmatullah ini benar-benar mengejutkan.

Jelas Pengerusi YAKEB, Datuk Jamil bin Salleh, "Kami di YAKEB ingin mengucapkan salam takziah buat keluarga allahyarham. Tabahkan hati dan redha dengan kehendak ilahi. Kami juga secara peribadi turut terkesan dengan berita pemergian beliau ini, apatah lagi Skwad Prihatin YAKEB baru sahaja mengunjungi beliau dikediamannya dan sempat menyampaikan sumbangan serta bantuan yang tidak kami sangka sama sekali merupakan yang terakhir dari YAKEB buat beliau. Kita doakan semoga rohnya ditempatkan bersama orang-orang yang beriman. Al-fatihah."



*Pergerakan Allahyarham amat terbatas dan banyak bergantung kepada anak dan isterinya.*



*Kelihatan saudara Kum Chee Sing, Pengarah Urusan Lifeline menerangkan sesuatu kepada Skwad Prihatin YAKEB sewaktu pemilihan tilam dibuat untuk Allahyarham di cawangan Lifeline di Kota Kinabalu, Sabah. Lifeline Innovators adalah merupakan pembekal peralatan hospital yang juga salah satu panel program Kad Privilege/Diskaun YAKEB.*

# Skwad Prihatin Yakeb JELAJAH PANTAI TIMUR - MISI SERAHAN BANTUAN BANJIR

TEMERLOH, PAHANG 16 FEBRUARI 2015. Dana untuk mangsa banjir yang berjaya dikumpul menerusi program 'Jaringan Demi Kebajikan' yang diadakan pada penghujung Januari yang lalu akhirnya telah berjaya diagih-agihkan kepada para bekas atlet yang turut terjejas akibat musibah yang melanda Negara baru-baru ini.

Bermula di Terengganu, satu majlis serahan secara ringkas telah diatitkan oleh Skwad Prihatin YAKEB yang terdiri daripada Pengurus Besarnya, Encik Zuhairi Abd Manaf, Pengurus Operasi, Encik Aminuddin Mohd Nasir, Eksekutif Hal Ehwal Ahli, saudara Zulkifli Mohamad dan dibantu oleh saudara Anwar Roslan di kediaman ahlinya iaitu di Kampung Batu 14, Jalan Air Tawar Putih, Kemaman. Dua buah keluarga yang terlibat di daerah ini adalah Muhammad Idris bin Zakaria (No Ahli : 1802) dari sukan olahraga dan Ahmad Fakrullah bin Alias (No Ahli : 1908) dari sukan lumba basikal.

Keluarga mereka berdua adalah diantara ribuan penduduk yang terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara setelah kediaman mereka dinaiki air akibat dari banjir yang melimpah dari sungai yang berdekatan.

Sewaktu ditemui, Muhammad Idris berkata, "Air masuk ke dalam rumah dan naik ke paras paha dengan mendadak. Sungguhpun panik diketika itu, kami sekeluarga tidak berlelah untuk membuat keputusan berpindah ke dewan orang ramai yang terletak di tanah tinggi di seberang jalan rumah ini."



Tambah beliau lagi, "Kami berada di situ selama beberapa hari, namun dalam ketika yang sama, kami turut berulang alik ke rumah untuk memantau keadaan sekitarnya."

Turut berkongsi pengalaman saat-saat mencemaskan ketika menghadapi banjir di Kemaman ialah saudara Ahmad Fakrullah, menurut beliau, "Ketika air sungai mula melimpah, kami cuba mengikuti perkembangan kenaikan air menerusi maklumat orang ramai dan juga berita-berita di saluran radio dan televisyen."

"Sewaktu air mula memasuki rumah, kebetulannya kami berada di luar. Air naik begitu pantas, dan setibanya kami di rumah, air telah mula menenggelami barang-barang perabot dan elektrik, dan kami tidak sempat berbuat apa-apa lagi di saat itu," jelas saudara Fakrullah dengan suara tersekat-sekat.

"Akhirnya kami sekeluarga berpindah untuk mendapat perlindungan dan berada di Hospital Kemaman selama 5 hari sementara menunggu keadaan kembali reda," jelas saudara Fakrullah.

Terima kasih kepada YAKEB kerana sudi memberi perhatian kepada bekas atlet yang dalam kesusahan terutamanya dalam keadaan banjir seperti sekarang kata Muhammad Idris lagi sambil berharap agar YAKEB terus menerus mendapat bantuan dari pihak berwajib supaya peranan YAKEB yang selama ini banyak membantu para bekas atlet Negara dapat diteruskan.

Pendapat ini turut dipersetujui oleh Ahmad Fakrullah yang berharap supaya YAKEB dapat meneruskan komitmen

*Semoga dengan bantuan daripada YAKEB ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang ditanggung saudara Ahmad Fakhrullah dan Muhammad Idris sekeluarga. Kelihatan saudara Ahmad Fakhrullah sedang menerima sumbangan hasil kutipan dana khas menerusi program 'Jaringan Demi Kebajikan' yang telah dibuat sebelumnya.*



*Daerah Kemaman di negeri Terengganu adalah kawasan yang terjejas teruk dilanda banjir baru-baru ini. Keluarga saudara Muhammad Idris turut menanggung kerugian apabila rumah mereka dinaiki air sehingga ke paras paha dan menenggelamkan barang perabot serta perkakas elektrik.*

membantu para bekas atlet Negara yang di dalam kesusahan untuk satu jangkamasa yang lama.

Siri jelajah pengagihan bantuan banjir dan juga ziarah diteruskan ke negeri Kelantan pada 15hb Februari 2015, dimana rombongan Skuad Prihatin kali ini telah diketuai oleh YBhg Datuk Jamil bin Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan merangkap Pengerusi YAKEB. Turut mengiringi adalah para pegawai dari Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan dan juga pergerakan Majlis Belia Malaysia Negeri Kelantan.

Rumah bekas atlet bolasepak Negara, Tuan Hj Salleh Ibrahim (No Ahli : 1772) yang terletak di Jalan Maktab, Pengkalan Chepa yang dinaiki air baru-baru ini adalah antara rumah yang di ziarahi rombongan.

“Walaupun di dalam rumah air telah naik ke paras lutut, saya dan anak tidak berpindah melainkan isteri, menantu dan cucu saya. Kami terpaksa tinggal untuk menjaga keselamatan rumah dan harta benda yang tinggal,” terang Hj Salleh yang jelas terharu dengan kehadiran pihak YAKEB yang sanggup datang dari Kuala Lumpur sematamata untuk melihat keadaan ahlinya di sebelah sini.



*Datuk Jamil yang mengetuai rombongan Skuad Prihatin YAKEB sewaktu menziarah kediaman bekas atlet bola sepak Negara, Tuan Haji Salleh Ibrahim di Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Ketika banjir melanda, rumah beliau dimasuki air sehingga ke paras paha.*

**“Terima kasih kepada YAKEB kerana sudi memberi perhatian kepada bekas atlet yang dalam kesusahan terutamanya dalam keadaan banjir seperti sekarang kata Muhammad Idris lagi sambil berharap agar YAKEB terus menerus mendapat bantuan dari pihak berwajib supaya peranan YAKEB yang selama ini banyak membantu para bekas atlet Negara dapat diteruskan.”**



*Sebuah lagi kediaman yang sempat dikunjungi Skuad Prihatin YAKEB iaitu milik bekas atlet (OKU) Negara, Puan Fatimah Daud. Kelihatan Datuk Jamil begitu tekun mendengar keluhan yang dibawa oleh salah seorang ahli YAKEB, Puan Sharifah Raudzah yang mewakili rakan-rakannya.*

Rumah kedua yang sempat di ziarahi oleh rombongan Skuad Prihatin YAKEB adalah yang terletak di Jalan Merbau, Kota Bharu milik saudara Mohd Isa bin Mohd Nor (No Ahli : 932) yang baru sahaja beberapa bulan berpindah ke sini dari Melaka.

Sewaktu air sedang menaik, saudara Mohd Isa sempat menyelamatkan beberapa barangan penting ke tingkat dua rumahnya. Maka, dapatlah beliau mengelak dari mengalami kerugian akibat bencana yang buat pertama kalinya beliau tempohi setelah berpindah ke negeri Cik Siti Wan Kembang ini.

Kehadiran Datuk Pengerusi ke kediaman bagi melihat sendiri keadaan beliau sekeluarga sedikit sebanyak telah dapat memberi suntikan moral kepadanya untuk menempuhi hari mendatang.

Turut sempat dilawati oleh Skuad Prihatin YAKEB adalah rumah milik bekas atlet kelainan upaya (OKU) Negara bagi acara olahraga iaitu Puan Fatimah binti Daud (No Ahli : 978).

Rumah yang terletak di belakang Sekolah Kebangsaan Sri Bemban, Jalan Abd Kadir Adabi, Kota Bharu ini turut menenggelamkan sebahagian besar barangan milik Fatimah. Hanya sebilangan kecil sahaja barangan yang sempat diselamatkan, namun menurut Puan Fatimah, “Keselamatan keluarga adalah lebih penting dari barang-barang yang tenggelam .. barang boleh ganti, nyawa tidak,” tegasnya.



*Ini juga adalah program yang julung-julung kalinya dianjurkan pihak YAKEB di sebelah pantai timur semenanjung. Kelihatan Datuk Jamil sedang memperkatakan sesuatu yang mencuit hati para bekas atlet Negara.*



*Skuad Prihatin sempat berkunjung ke rumah saudara Abdullah Mohd Daud bekas atlet (OKU) Negara di Kuala Krai. Daerah ini adalah antara kawasan yang terjejas teruk akibat banjir yang melanda Negara baru-baru ini. Kelihatan saudara Abdullah sedang mengumpul semula sijil penyertaan serta piala yang pernah beliau menangi sewaktu mewakili Negara dalam kejohanan antarabangsa.*

*Upacara penyerahan sumbangan kepada mangsa banjir dikalangan bekas atlet Negara peringkat Negeri Kelantan telah diadakan di Restoran Spilla yang terletak di Wakaf Baru. Pemilik restoran saudara Azam Abbas juga adalah bekas atlet silat Negara.*



Beliau juga sempat menzahirkan ucapan terima kasihnya kepada pihak YAKEB serta ahli rombongan terutamanya kepada Datuk Pengerusi di atas keprihatinan yang ditunjukkan serta sudi pula menziarah beliau di rumahnya.

Memandangkan masa yang agak suntuk buat Datuk Pengerusi melawat ke seluruh kawasan yang dilanda banjir, maka, satu program khas iaitu Program Amal Penyerahan Sumbangan Kepada Mangsa Banjir di Kalangan Bekas Atlet Negara khususnya buat atlet Negara yang berada di Kelantan telah diadakan di sebelah petang pada hari yang sama di sebuah restoran yang terletak di Wakaf Baru yang diberi nama Spilla juga milik bekas atlet Silat Negara, saudara Azam bin Hj Abass (No Ahli : 1359). Restoran beliau ini turut dijadikan sebagai pusat pemindahan sewaktu melandanya banjir baru-baru ini.

Seramai 13 ahli YAKEB yang terjejas dengan banjir layak menerima sumbangan berupa wang tunai berjumlah RM500 di bawah Skim Bantuan Khas Kecemasan YAKEB. Antara ahli yang hadir bersama keluarga masing-masing termasuklah Tuan Hj Salleh bin Ibrahim, Mohd Isa bin Mohd Nor, Fatimah binti Daud, Sharifah Raudzah binti Syed Akil (OKU) (No Ahli : 932), Rahim bin Yusoff (OKU) (No Ahli : 905), Abdullah bin Mohd Daud (OKU) (No Ahli : 977), Salim bin Mahmud Muhaidin (No Ahli : 1142), Rukman bin Mustapha (No Ahli : 1829) dan Mohd Suafi (No Ahli : 1754). Kesemua sumbangan telah disampaikan oleh Datuk Jamil bin Salleh.

Program khas ini turut mencatatkan sejaarah yang tersendiri buat YAKEB, kerana ini jugalah julung-julung kalinya



*'Pengerusi YAKEB, Datuk Jamil sewaktu menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir di Kelantan*

*Saudara Abdullah sedang menunjukkan paras air banjir yang telah menenggelamkan kediamannya ketika air yang dikatakan datang dengan jumlah yang begitu banyak dan dengan begitu deras sekali sehingga memaksa beliau sekeluarga menyelamatkan diri keluar melalui bumbung sebelum diselamatkan oleh pasukan penyelamat.*

pertemuan dapat diadakan diantara pihak pengurusan YAKEB dan ahlinya. "Saya ingin mengambil peluang di sini untuk menyeru agar lebih ramai lagi para bekas atlet Negara yang berada di luar sana agar berdaftar dengan YAKEB. Banyak faedah yang boleh mereka perolehi jika menjadi ahli YAKEB tambahan pula pendaftarannya adalah percuma seumur hidup," seru Datuk Jamil kepada bekas atlet Negara yang belum berdaftar dengan YAKEB terutamanya yang berada di Kelantan.

"Wujudnya YAKEB adalah bagi memenuhi hasrat pihak Kerajaan yang ingin melihat nasib para bekas atlet Negara dibela dan seterusnya diberikan penghormatan yang sewajarnya," tambah Datuk Jamil lagi.

"Dan kita akan pastikan bahawa hasrat ini benar-benar tercapai melalui perkhidmatan terbaik yang kita berikan kepada ahli disamping usaha berterusan menjejaki lebih ramai bekas atlet Negara supaya berdaftar dengan YAKEB," ujar Datuk Jamil sebelum menutup acara pada hari berkenaan.

Keesokan harinya pada 16hb Februari 2015 Skuad Prihatin YAKEB yang dalam perjalanan menuju Temerloh, Pahang sempat singgah ke salah sebuah rumah bekas atlet kelainan upaya (OKU) Negara bagi acara renang iaitu saudara Abdullah bin Mohd Daud. Rumah beliau yang terletak di Kuala Krai adalah antara yang terjejas teruk.

"Air naik sehingga ke paras bumbung. Suasana menjadi panik kerana keadaan berlaku terlalu pantas. Kami sekeluarga terpaksa memanjat dan memecahkan kepingan bumbung agar dapat keluar dari rumah sebelum diselamatkan oleh bot penyelamat setelah berada di situ selama beberapa jam," jelas saudara Abdullah dengan nada tersekat-sekat.



*Siri jelajah bagi menyempurnakan upacara penyerahan sumbangan bantuan banjir berakhir di kediaman saudara Mohd Rosmin di Kampung Simpang Peragap, Kerdau, Temerloh, Pahang.*

“Keadaan taman perumahan sekitar menjadi seperti laut. Barangan berharga termasuk kenderaan banyak yang tak sempat diselamatkan. Namun, saya bersyukur kerana pingat-pingat kemenangan yang saya menangi sewaktu menyertai kejohanan sempat diselamatkan,” tambah saudara Abdullah sambil membelek pingat-pingat yang sempat beliau selamatkan.

Perjalanan hari itu diteruskan ke destinasi akhir pengagihan sumbangan banjir iaitu Temerloh, Pahang. Sejurus tiba di salah sebuah rumah ahlinya di Kampung Parit Peragap, Kerdau, Skuad Prihatin YAKEB telah disambut oleh ahli-ahlinya bersama keluarga mereka yang setia menunggu ketibaan kami dari Kelantan.

Upacara penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh Pengurus Besar YAKEB, Encik Zuhairi Abd Manaf kepada saudara Mohd Rosmin Kamil bin Mohd Rowihan (No Ahli : 1835), Fazly bin Mansor (No Ahli : 98), Ahmad Saiful bin Shamsudin (No Ahli : 332), Juhar bin Osman (No Ahli : 1296), Abd Mubin bin Jemain (No Ahli : 1774) serta bekas atlet kelainan upaya (OKU) saudara Abdullah bin Sani (No Ahli : 131).

Sebagai tuan rumah, saudara Rosmin melahirkan rasa terharu di atas keprihatinan serta kesungguhan yang ditunjukkan pihak YAKEB membantu para bekas atlet Negara dan berharap agar YAKEB yang dipimpin oleh Datuk Jamil bin Salleh mampu bergerak terus maju ke hadapan.



*Kelihatan dibelakang kesan paras air yang begitu tinggi sekali yang turut memasuki rumah saudara Rosmin sungguhpun rumah tersebut didirikan di atas tiang-tiang yang tinggi. Dikatakan tiang rumah beliau bergegar menahankan arus yang begitu kuat sewaktu banjir baru-baru ini.*

Pendapat saudara Rosmin turut dikongsi bekas atlet kelainan upaya (OKU) saudara Abdullah Sani. Menurut beliau, “Sungguhpun bantuan yang diberikan oleh YAKEB tidak mampu menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh ahlinya secara total, tetapi hadirnya YAKEB selalunya tepat pada masa yang diperlukan dan kehadiran mereka benar-benar mendatangkan kesan yang positif, terima kasih YAKEB,” luah saudara Abdullah Sani sebagai mengakhiri bicara.

“Syukur Alhamdulillah kerana perjalanan kami selama beberapa hari ini ke beberapa buah negeri di pantai timur tanah air untuk menziarah sambil mengagihkan bantuan sumbangan buat para bekas atlet Negara yang terjejas akibat banjir sebagaimana yang dirancang telah dipermudahkan Allah swt” tegas Pengurus Operasi YAKEB, Aminuddin Mohd Nasir.

Berkongsi nada yang sama, Pengurus Besar YAKEB, Zuhairi Abd Manaf pula berkata, “Kita juga merasa bersyukur kerana dapat menunaikan amanah yang telah dipertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin, apatah lagi di sesetengah tempat yang dikunjungi adalah merupakan pertemuan yang pertama seterusnya ikatan silaturahim dapat diperkemaskan antara pihak pengurusan dan ahli.”

“Malah lebih dari itu, pengalaman yang dapat dikutip hasil dari misi bantuan yang dilaksanakan kali ini cukup mengesankan terutamanya dari segi emosi, apabila melihatkan ketabahan khususnya ahli-ahli YAKEB menempuhi dugaan musibah banjir yang maha hebat ini.” tambah Zuhairi.

**“Wujudnya YAKEB adalah bagi memenuhi hasrat pihak Kerajaan yang ingin melihat nasib para bekas atlet Negara dibela dan seterusnya diberikan penghormatan yang sewajarnya,”**

**Datuk Jamil Salleh,  
Pengerusi YAKEB**

**Sungguhpun bantuan yang diberikan oleh YAKEB tidak mampu menyelesaikan segala masalah yang dihadapi oleh ahlinya secara total, tetapi hadirnya YAKEB selalunya tepat pada masa yang diperlukan dan kehadiran mereka benar-benar mendatangkan kesan yang positif, terima kasih YAKEB,”**

**Abdullah Sani**



*Datuk Jamil menyampaikan sumbangan kemasukan ke hospital (awam) menerusi Skim Bantuan Khas YAKEB.*



# Berita BEKAS ATLET DITEMBAK MENGGEMPARKAN

**S**UNGAI BULOH, 1 JANUARI 2015. Ia bukan babak ganas seperti filem-filem 'Gangster' tetapi inilah realiti yang berlaku kepada bekas atlet olahraga Negara yang berdaftar dengan YAKEB, Dato' Noorul Ariffin Abdul Majeed (No Ahli : 326) yang cedera selepas ditembak di hadapan kediamannya di Bandar Rahman Putra, Sungai Buloh.

Dato' Noorul bernasib baik kerana tiga daripada empat das tembakan yang dilepaskan tersasar manakala satu das lagi terkena kaki kanannya.

Menceritakan detik cemas itu, Dato' Noorul yang juga Naib Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) dan Presiden Persatuan Olahraga Amatur Johor (POAJ) berkata, dia baru sampai di hadapan rumahnya selepas solat Isyak di sebuah surau di Bandar Rahman Putra, Sungai Buloh, Selangor, kira-kira pukul 10 malam.

Dua lelaki bermotosikal tiba-tiba muncul sebelum melepaskan beberapa das tembakan ke arah beliau sebelum melarikan diri.

"Saya tidak menyedari telah ditembak dan hanya tahu apabila melihat dua suspek yang mencurigakan kerana saya ingat bunyi tembakan itu letupan mercun."

"Saya juga tidak sedar bahawa kaki terkena tembakan dan berusaha mengejar suspek yang kemudiannya melarikan diri. Mungkin mereka ingat saya mengeluarkan pistol selepas kembali semula ke dalam kereta, padahal saya hanya mengambil dompet," katanya kepada Pengerusi YAKEB, Datuk Jamil bin Salleh sewaktu mengunjungi beliau di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) bersama Encik Aminuddin Mohd Nasir, Pengurus Operasi YAKEB.

Dalam pada itu, isteri beliau Datin Nurdiyana Abdullah, 49, berkata, dia masih lagi trauma dengan kejadian itu namun bersyukur suaminya selamat dan masih hidup.

"Saya cuma ralat apabila dua hospital yang mula-mula kami datang untuk mendapatkan rawatan kecemasan tidak membantu langsung, seolah-olah suami saya hanya cedera ringan.

"Alasan mahu polis datang membuat siasatan dahulu. Tidakkah mereka mempunyai perasaan terhadap situasi cemas ini dan bersikap lebih rasional," katanya yang tekad membawa suaminya ke PPUM pada pukul 3 pagi.

"Syukurlah semuanya selamat, sungguhpun apa yang berlaku ini benar-benar mengejutkan. Perkara yang melibatkan jenayah ini, biarlah kita serahkan kepada pihak polis untuk kendalikannya," ujar Datuk Jamil.

"Saya percaya pihak polis akan menyiasat dari setiap sudut maka usahlah diganggu kerja mereka yang penting kita beri kerjasama sepenuhnya," tambah Datuk Jamil lagi.

Sementara itu, siasatan polis di tempat kejadian difahamkan menemui, empat kelongsong peluru dan 2 kesan tembakan pada kereta mangsa.

Ketua Polis Sungai Buloh, Supritendan Junaidi Bujang mengesahkan kejadian dan memberitahu, siasatan rapi sedang dijalankan.

*(Sumber : Kosmo/Utusan/Metro)*



*Datuk Jamil sewaktu mengunjungi Dato' Noorul di PPUM dan sempat juga menasihati beliau supaya lebih berhati-hati selepas ini.*



*Sanmuganathan begitu terharu menerima kunjungan Skwad Prihatin. Pada beliau kunjungan ini sekaligus telah menyuntik semangat baru untuk beliau pulih seperti sedia kala.*

*Turut hadir menyertai Skwad Prihatin menziarah N. Sanmuganathan (No Ahli : 1929) di Pulau Pinang, bekas atlet bola sepak kebangsaan Dato' Abdul Shukor Salleh (No Ahli : 268) dan Dato' M. Kuppan (No Ahli : 010).*

# Bekas Atlet Steeple Chase Di Landa Sindrom Lupa Ingatan

**G**eorgetown: Bekas Atlet kebangsaan, N. Sanmuganathan (No Ahli : 1929) 39, kini mengalami sindrom lupa ingatan selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya ketika menunggang motosikal seorang diri di Jalan Burma di sini, jam 12 tengah malam, 3 Februari lalu.

Namun disebalik masalah dihadapinya, N. Sanmuganathan masih mengingati detik manis apabila diumumkan sebagai pemegang rekod acara larian 3,000 meter pada sukan Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998 dengan catatan masa 8.59.10.

Lebih membanggakan rekod dicatatkan N. Sanmuganathan pada ketika usia baru 22 tahun itu belum dipecahkan sehingga kini.

“Saya amat berharap agar dapat bersama-sama menyumbangkan kepada kemajuan sukan Negara, namun keadaan fizikal dan kecederaan teruk pada kepala hingga menyebabkan saya mengalami masalah lupa ingatan sekali gus membataskan hasrat itu.

“Apa yang saya harapkan ialah semua peminat sukan di seluruh Negara mendoakan agar saya pulih seperti biasa secepat mungkin,” katanya ketika ditemui di rumahnya di lintang P. Ramlee, semalam.

Terdahulu, N. Sanmuganathan dan isterinya, M Komalah, 35, menerima kunjungan Yayasan Kebajikan Atlet Malaysia (YAKEB) yang diketuai Pengurus Besar YAKEB Zuhairi Abd Manaf, Aminuddin Mohd Nasir dan bekas pemain bolasepak Negara, Datuk Shukor Salleh ke rumahnya.

Dalam kunjungan singkat itu, Zuhairi turut menyampaikan cenderahati dan sumbangan wang tunai bagi meringankan beban N. Sanmuganathan, yang kini masih menerima rawatan susulan.

Sumber : Harian Metro



*Kehadiran bekas jurulatih beliau saudara P.L.B Peyadesa (No Ahli : 158) selain dari mengembalikan memori liku-liku perjuangannya sewaktu menyertai Kejohanan Sukan Komanwel di Kuala Lumpur turut membangkitkan azamnya untuk terus berbakti kepada Negara.*



*Berkongsikan rekod catatan masa yang diabadikan di lengan beliau, yang diperolehinya dalam Kejohanan Sukan Komanwel dan masih kekal sehingga kini sebagai rekod kebangsaan.*



Pihak YAKEB sentiasa komited untuk membantu kesejahteraan ahlinya secara berterusan dan dalam usaha untuk memantau perkembangan bekas atlet Negara yang berada di seluruh pelusuk negara, pihak YAKEB turut berharap agar ahlinya yang mempunyai sebarang maklumat mengenai rakan-rakan mereka agar dapat menyalurkan terus kepada YAKEB.

Halimah Mohd Janis (No Ahli : 899) setibanya di pejabat YAKEB telah disambut oleh rakan-rakan bekas atlet yang lain seperti Zakri Ibrahim (No Ahli : 231), Suwaibah Mohd Nasir (No Ahli : 143), Zaleha Suradi (No Ahli : 1595), Shabnam Mohamad Mokhtar (No Ahli : 1867).

## SUMBANGAN YAKEB Legakan Halimah

**Y**ayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) semalam menyalurkan bantuan Skim Bantuan Khas bernilai kira-kira RM4,000 kepada bekas ratu pecut basikal negara, Halimah Mohd Janis yang terbabit dalam kemalangan pada 6 Januari lalu.

Bantuan itu merangkumi wang tunai RM 500, kerusi roda, tongkat, pampers pakai buang serta tanggungan bil untuk rawatan di hospital.

Pengurus besarnya, Zuhairi Abdul Manaf, berkata bantuan itu bertujuan membantu menyempurnakan hal ehwal kebajikan bekas atlet dalam pelbagai aspek yang bersesuaian.

"Sejurus dimasukkan di hospital, halimah layak menerima wang bantuan RM500 daripada YAKEB. Kita juga turut memberi bantuan untuk rawatan susulan.

"Kita memberi pilihan untuk Halimah mendapatkan rawatan di mana-mana hospital. Untuk di Johor, antara panel YAKEB adalah Hospital Penawar Pasir Gudang. Hospital Pakar Johor, Hospital Pakar Puteri dan Hospitalpakar Pasir Gudang.; katanya ketika ditemui selepas menyampaikan bantuan kepada Halimah di pejabatnya, di Stadium Bukit Jalil, semalam.

### Rawatan di HUKM

Turut menyaksikan penyerahan bantuan itu ialah Pengurus Operasi YAKEB, Aminuddin Mohd Nasir dan bekas pesilat Negara, Zakri Ibrahim, Zaleha Suradi, Shabnam Mokhtar dan pelari solo Negara, Suwaibah Mohd Nasir.

Dalam perkembangan lain Zuhairi memohon pihak kerajaan dapat menyediakan peruntukan tetap kepada YAKEB bagi membantu menampung segala perbelanjaan yayasan yang sudah bertapak sejak 7 tahun lalu.

Sementara itu, Halimah ketika ditemui berkata bantuan itu meringankan bebanan yang ditanggungnya sekaligus memberikannya semangat untuk cepat sembuh.

"Alhamdulillah atas keprihatinan semua pihak terutama YAKEB. Insya Allah doktor kata saya boleh sembuh dalam tempoh empat bulan lagi," katanya yang turut menjalani rawatan susulan di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) dan membuat laporan di Balai Polis Trafik Jalan Bandar semalam.

"Buat sementara waktu ini, saya akan mendapatkan rawatan susulan di HUKM, katanya.

Sumber : Berita Harian



## Zainal Mat Yen menghidap demam denggi

**P**ada 17hb Mac 2015 Skuad YAKEB Prihatin yang diketuai Pengurus Besar YAKEB, Zuhairi Abd Manaf telah menziarah bekas atlet ragbi negara Tuan Haji Zainal bin Mat Yen, yang juga ahli YAKEB bernombor 554 di kediaman beliau di Taman Meru, Ipoh Perak. Beliau yang berumur 68 tahun, baru sahaja keluar dari hospital KPJ Ipoh, kerana menghidap demam denggi malah dikatakan demam tersebut turut menyerang usus beliau. Tuan Haji telah di tahan di wad HDU selama hampir 2 minggu dan beliau dikatakan tidak mengenali rakan rakan yang datang melawat. Alhamdulillah berkat doa keluarga dan rakan rakan, Tuan Haji kini kembali pulih seperti sediakala.

Untuk makluman, Tuan Haji pernah



menjalani pembedahan di Hospital Putrajaya untuk memperbaiki saluran darah utama ke jantung beliau yang bengkak. Juga Alhamdulillah pembedahan itu berjaya.

Dalam lawatan itu juga, Tuan Haji dengan besar hati menyerahkan 3 piala pusingan di atas nama beliau untuk tujuan pertandingan ragbi peringkat sekolah sekolah di negeri Perak, kepada pihak YAKEB untuk di simpan di Hall Of Fame. Semoga dengan bertambahnya koleksi bahan bahan rujukan di Hall Of Fame ini akan menambah minat pencinta pencinta sukan untuk melawat Hall Of Fame YAKEB.

Buat Tuan Haji Zainal bin Mat Yen, warga YAKEB mendoakan Tuan Haji kembali sembuh dan sihat seperti sediakala.



Antara pingat-pingat yang masih beliau simpan.



Bersama 2 permata hati kesayangannya, Nur Maisarah dan Nur Allia.

*Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Namun, naluri sebagai bekas atlet Negara tidak pernah pudar di sanubari saudara Rahim. Kesabaran dan kegigihan dalam menghadapi latihan ditambah pula dengan daya juang yang tinggi yang diperlukan dalam menghadapi kejohanan secara tidak langsung telah mencorakkan daya pemikiran serta daya ketahanan dalam diri beliau dan ini banyak membantunya di dalam meneruskan perjuangan dalam kehidupan sebenar.*



Tiada apa yang mampu menghalang beliau dari melakukan sesuatu perkara termasuklah memandu kereta.



Kecekalan saudara Rahim dan isterinya untuk berdikari sungguhpun berada dalam serba kekurangan seharusnya mampu membuka mata dan seterusnya menjadi contoh dan teladan terbaik buat semua yang membaca kisahnya ini.

# SEMANGAT LUAR BIASA BEKAS ATLET (OKU) NEGARA

**P**ermata sukan negara yang ingin diperkenalkan kali ini ialah saudara Rahim B. Yusoff. Beliau telah mewakili banyak acara sukan olahraga termasuklah lompat tinggi, lompat jauh, 100 meter dan 200 meter. Beliau adalah bekas atlet olahraga (OKU) Negara dan merupakan ahli berdaftar YAKEB bernombor 905.

Kekurangan diri dijadikan kekuatan utama untuk meningkatkan kehidupan setanding dengan orang normal yang lain. Walaupun cacat kedua-dua tangannya, saudara Rahim tidak pernah menganggapnya sebagai satu alasan untuk berpeluk tubuh atau mengharapkan belas ihsan daripada orang lain. Sebaliknya berusaha mendapatkan kemahiran yang boleh dijadikan punca pendapatan harian.

Begitulah kehidupan yang terpaksa dilalui oleh saudara Rahim dalam mengharungi liku-liku kehidupan berbekalkan kecekalan di hati. Beliau menyara kehidupan dengan menternak itik, biri-biri dan lembu sejak tahun 2008.

Memandangkan isterinya juga mengalami kelumpuhan di kaki, saudara Rahim perlu melakukan sesuatu dalam mempertingkatkan dirinya untuk menampung kehidupan beliau dan keluarga. Untuk itu, saudara Rahim bertekad untuk mendapatkan pendapatan sampingan dengan mengambil upah menjahit pakaian langsir pula. Jika orang lain menjahit menggunakan mesin, saudara rahimpun begitu juga, cuma bezanya beliau menggunakan kaki sepenuhnya.

Semangat yang tinggi dan usaha yang gigih saudara Rahim boleh dijadikan inspirasi kepada atlet-atlet di luar sana.

Saudara Rahim sekeluarga tidak terkecuali dari menjadi mangsa bencana banjir di Kelantan baru-baru ini. Menurutnya, ketika kejadian beliau berada di Gua Musang. Ketika sedang berurusan di sana beliau telah mendapat panggilan dari rakannya yang memberitahu air semakin naik.

Ketika sampai di rumah beliau tidak sempat untuk memindahkan barang-barang perabut dan perkakas elektrik, kerana yang penting adalah soal keselamatan keluarganya. Mujur juga ada jiran yang datang menjenguk, maka sempat jugalah mereka membantu memindahkan barang-barang berharga.

Kesan dari banjir yang melanda telah memaksa saudara Rahim sekeluarga untuk berpindah ke sekolah berdekatan. Mereka berada di sana selama 4 hari. Kerugian yang ditanggungnya bukan sahaja dari segi kerosakan harta benda malah beliau turut kehilangan beberapa ekor haiwan ternakan.

Untuk rekod, sepanjang kariernya sebagai atlet, saudara Rahim pernah mewakili Malaysia dalam acara lompat tinggi di Kejohanan Asia Para Games di Hanoi Vietnam pada tahun 2003. Beliau adalah merupakan pemegang rekod kebangsaan dalam acara 100 meter dengan catatan masa 13 saat. Rekod ini telah berjaya beliau lakukan di Para Games Kuala Lumpur.

Sewaktu majlis penyerahan sumbangan buat mangsa banjir yang diadakan di Restoran Spilla, Wakaf Baru Kelantan baru-baru ini, saudara Rahim turut hadir bersama isterinya, Nuraidah Hamzah dan 2 anaknya. Dalam program berkenaan, semua mangsa banjir dikalangan bekas atlet Negara telah menerima sumbangan khas di bawah Skim Bantuan Khas YAKEB bagi kategori bencana alam dan saudara Rahim adalah salah seorang penerima tersebut.

## *Sekalung Tahniah.* **Setinggi Penghargaan**

### **YANG BERHORMAT ENCIK KHAIRY JAMALUDDIN**



Tahniah diucapkan kepada Menteri Belia dan Sukan diatas kelahiran anak lelaki ketiga hasil perkongsian hidup bersama Nori Tun Abdullah pada tarikh 23 Mac 2015, jam 3.53 petang. Nama yang diberi ialah Raif Averroes. Nama timangannya ialah Leo. Semoga dengan kelahiran insan baru ini dapat mengukuhkan lagi keutuhan rumahtangga YB Menteri.

### **YANG BERBAHAGIA DATUK AHMAD SHAPAWI BIN ISMAIL**



Tahniah diucapkan atas kejayaan beliau yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara pada 19 Disember 2014. Sebelum ini, beliau menyandang jawatan sebagai Pesuruhjaya Sukan mulai Jun 2013 hingga Disember 2014 sebelum mengambil alih tugas yang disandang oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Zolkples Embong. Selamat maju jaya diucapkan kepada beliau.

### **DOLLAH SALLEH & REDUAN ABDULLAH (No. Ahli 1085 & 205)**



Tahniah diucapkan kepada dua ahli YAKEB iaitu Dollah Salleh selaku ketua jurulatih pasukan bolasepak Negara bersama Reduan Abdullah yang bertindak sebagai penolong ketua jurulatih kerana atas tunjuk ajar mereka pasukan Negara

berjaya menjadi naib johan Piala Kejohanan AFF Suzuki Cup. Semoga kombinasi mereka berdua akan memartabatkan sukan bolasepak Negara ini lebih jauh lagi.



### **YANG BERBAHAGIA DATUK SERI ZOLKPLES EMBONG**



Tahniah diucapkan kepada beliau diatas lantikan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Sukan SEA 2017 yang bakal dihoskan di Malaysia. Selama tujuh tahun beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara sebelum diserahkan kepada Yang Berbahagia Datuk Ahmad Shapawi bin Ismail. YAKEB mengucapkan selamat berjaya dan semoga terus cemerlang.

### **YANG BERBAHAGIA DATUK ZAITON OTHMAN (NO. AHLI 11)**



Beliau telah mencipta sejarah apabila dilantik sebagai Pesuruhjaya Sukan pertama wanita di negara ini berkuat kuasa 1 Februari 2015. Beliau yang berasal dari Kepala Batas, Pulau Pinang adalah atlet heptathlon dan larian pecut 400m.

Selain pemenang rekod kebangsaan heptathlon Sukan Sea Manila 1981, Beliau menerima anugerah Olahragawati Kebangsaan pada tahun 1982 dan memenangi pingat emas dan mencipta rekod terbaik Asia dalam acara lari berganti-ganti 4x400m.

### **MOHAMED RAZIP ISMAIL No. Ahli 1085)**



Tahniah diucapkan kepada bekas pemain pertahanan kebangsaan, Razip Ismail sebagai jurulatih skuad Malaysia Bawah 22 (U-22) diatas kejayaan beliau bersama pasukannya di kejohanan Piala Bangabandhu. Pasukan bolasepak Malaysia telah muncul juara menentang pasukan dari Bangladesh (3-2). Tahniah dan selamat maju jaya diucapkan kepada Razip serta pasukan Malaysia.